

Bab 5

KESIMPULAN

Pengenalan

Kajian ini bertujuan menjawab beberapa persoalan yang timbul dalam proses menghasil dan menilai modul-modul pengajaran sendiri untuk digunakan dalam klinik pemulihan Bahasa Inggeris SMTKK. Persoalan-persoalan yang timbul merangkumi: kronologi proses penghasilan dan penilaian yang terlibat; penilaian guru dan persepsi pelajar terhadap modul yang dihasilkan; kesan modul-modul yang dihasilkan dalam meningkatkan pencapaian para pelajar dalam item-item tatabahasa yang berkaitan; persepsi guru yang terlibat terhadap proses penghasilan modul-modul tersebut; dan reaksi pelajar sewaktu menggunakan modul-modul yang dihasilkan.

Hasil sorotan penulisan dan kajian lampau mendapati bahawa penghasilan modul pengajaran sendiri adalah berkesan (sehingga tahap tertentu) dalam meningkatkan pencapaian para pelajar. Berdasarkan ini, keputusan dibuat untuk menghasilkan modul-modul pengajaran sendiri bagi memulihkan penguasaan para pelajar dalam *subject-verb agreement* dan *tenses*. Sorotan penulisan menunjukkan bahawa penghasilan modul dan lain-lain bahan

pengajaran dengan menggunakan reka bentuk pengajaran yang tertentu adalah berkesan.

Terdapat pelbagai model reka bentuk pengajaran yang boleh digunakan dalam menghasilkan dan menilai modul-modul pengajaran. Salah satu model yang terkenal ialah model reka bentuk pengajaran Dick dan Carey (1985). Model ini melibatkan sembilan peringkat iaitu:

- 1) menetapkan matlamat penajaran,
- 2) membuat analisis pengajaran,
- 3) mengenal pasti kelakuan masuk dan ciri-ciri pelajar,
- 4) menulis objektif kelakuan,
- 5) membina item-item ujian rujukan kriteria,
- 6) membina strategi pengajaran,
- 7) membina dan memilih bahan-bahan pengajaran,
- 8) membina dan mengendalikan penilaian formatif,
- 9) membina dan mengendalikan penilaian sumatif

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini merupakan triangulasi beberapa kaedah seperti; penilaian kesesuaian MPK, temubual berstruktur, ujian pencapaian dan pemerhatian tanpa penyertaan. Seramai 30 orang pelajar telah dipilih dari senarai 50 orang pelajar yang layak mengikuti klinik pemulihan Bahasa Inggeris SMTKK.

Pemilihan 30 orang pelajar tersebut telah dibuat dengan menggunakan jadual nombor rawak. Seramai 4 orang guru telah terlibat dalam kajian ini iaitu 2 orang guru yang mengajar Bahasa Inggeris, Ketua Bidang dan Ketua Panitia Bahasa Inggeris SMTKK. Keempat-empat guru berperanan sebagai SME.

Penghasilan dan penilaian modul-modul dalam kajian ini adalah dengan mengikut model reka bentuk pengajaran Dick dan Carey (1985). Penilaian formatif modul-modul telah dilakukan melalui empat peringkat iaitu: penilaian kesesuaian modul oleh guru-guru yang terlibat, ujian satu dengan satu, ujian kumpulan kecil dan kajian rintis.

Ringkasan Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Hasil dari kajian, kronologi proses penghasilan dan penilaian modul pengajaran sendiri untuk klinik pemulihan Bahasa Inggeris telah di dokumentasikan. Dalam menghasilkan modul-modul pengajaran sendiri untuk klinik pemulihan ini, perancangan yang teliti dan terperinci memainkan peranan yang sangat besar. Ini kerana, para pelajar yang terlibat berada dalam kumpulan tahap

penguasaan yang paling rendah dan guru tidak memainkan peranan aktif dalam klinik ini. Oleh itu modul-modul yang dihasilkan harus lengkap bagi mengatasi persoalan dan permasalahan yang mungkin timbul berkaitan topik yang terlibat. Penggunaan model reka bentuk pengajaran Dick dan Carey (1985) yang melibatkan 8 peringkat penghasilan dan penilaian modul-modul telah membantu memastikan modul-modul pengajaran sendiri dihasilkan membantu mengatasi masalah pembelajaran (*learning blocks*) yang dihadapi pelajar melalui proses-proses analisis yang telah dijalankan.

Proses mereka bentuk pengajaran melibatkan perbincangan demi perbincangan di kalangan para guru yang terlibat untuk mendapatkan satu hasil yang menarik perhatian pelajar yang bakal menggunakan modul-modul ini. Ini menunjukkan bahawa dalam menghasilkan modul pengajaran sendiri, kerja berkumpulan adalah mustahak dan memainkan peranan yang besar.

Semakan dan penilaian telah dilakukan berulang kali sepanjang proses penghasilan dan penilaian modul-modul ini. Ini untuk memastikan bahawa sebarang kesilapan dan kelemahan pada modul-modul yang dihasilkan dapat diatasi

sebelum penggunaan modul-modul tersebut dalam klinik pemulihan.

Para pakar bidang (SME) mendapati bahawa modul-modul yang dihasilkan adalah sangat sesuai untuk digunakan oleh pelajar klinik pemulihan Bahasa Inggeris SMTKK. Keputusan ini sama seperti keputusan bagi kajian-kajian yang telah dilakukan oleh Mohamad Hilmi Said dan Shaharoom Noordin (1996), dan Mohamad Haslan dan Shaharoom Noordin (1996). Kesesuaian ini berdasarkan penilaian ke atas ciri-ciri modul-modul yang dihasilkan iaitu: matlamat dan objektif, kandungan, struktur dan organisasi, latihan dan aktiviti, persembahan, dan bahasa. Penilaian ini perlu dilakukan oleh para pakar bidang sebelum modul-modul ini digunakan oleh para pelajar kerana para pakar arif tentang ciri-ciri bahan pengajaran yang sesuai untuk mengatasi masalah pembelajaran pelajar-pelajarnya.

Modul-modul pengajaran sendiri bagi klinik pemulihan ini mungkin menepati ciri-ciri yang dikehendaki kerana proses penghasilannya mengambil kira komponen-komponen asas strategi pengajaran, mengambil kira kompleksiti hirarki dan berpandukan sembilan peristiwa pembelajaran seperti saranan Gagné dan Briggs (1974) serta mengambil

kira teori-teori motivasi seperti model motivasi ARCS Keller (1983).

Para pelajar pula berpendapat bahawa modul-modul yang dihasilkan memberikan keselesaan, keyakinan dan keseronokan kepada mereka sewaktu menggunakan modul-modul tersebut. Ini disokong oleh pemerhatian yang menunjukkan terdapatnya perlakuan-perlakuan selesa, yakin dan seronok oleh kebanyakan pelajar sewaktu menggunakan modul yang dihasilkan.

Modul-modul yang dihasilkan untuk klinik pemulihan Bahasa Inggeris SMTKK ini adalah mengikut prinsip-prinsip penghasilan pengajaran individu kerana ia lebih berkesan dan cekap berbanding pengajaran berkumpulan dan lebih bersifat kemanusiaan (Gagné dan Briggs, 1974). Untuk itu penghasilannya mengambil kira kesan ke atas individu yang bakal menggunakannya dengan menyesuaikan dengan keupayaan dan latar belakang individu.

Modul-modul pengajaran ini juga mengandungi unsur-unsur yang dapat menarik dan mengekalkan perhatian pengguna. Contohnya kehadiran gambar-gambar idola remaja masa kini, artikel tentang tokoh-tokoh pemimpin masa lalu serta contoh-contoh dan latihan yang berlainan bentuk. Para pelajar ternyata bukan sahaja tertarik dengan semua

ini malah teruja (excited) yang menyebabkan mereka seronok. Ini juga membantu mengekalkan perhatian mereka terhadap modul-modul kerana adanya perkaitan terhadap apa yang dipelajari seperti kata seorang pelajar,

"bila lihat ilustrasi tu, saya dapat lihat dengan lebih jelas maksud yang hendak disampaikan oleh nota."

Semua ini telah meningkatkan tahap motivasi mereka seperti mana yang dikatakan oleh Keller (1993) melalui model motivasi ARCSnya tentang konsep perhatian dan perkaitan yang boleh meningkatkan tahap motivasi seseorang.

Di awal setiap modul, dinyatakan objektif pembelajaran. Tujuannya adalah untuk memberitahu pelajar apa yang perlu mereka kuasai dan bagaimana mereka dapat mengetahui bahawa mereka telah pun mencapai tahap tersebut. Ini dapat memberikan keyakinan kepada para pelajar dalam menggunakan modul-modul tersebut. Ini adalah kerana, apabila pelajar mengetahui arah yang akan dituju, mereka akan menjadi lebih yakin. Latihan yang dibina dengan mengikut kesukaran meningkat juga membantu memberikan keyakinan kepada pelajar begitu juga dengan penjelasan yang diberikan selepas latihan. Seperti pendapat seorang pelajar,

"Bila dapat jawab solan pertama modul tu ... lega rasa ... yang tak dapat jawab tu pun tak apa, dia ada kasi penjelasan ... jadi seronok ... tak takut dah!"

Keyakinan yang timbul, menjadikan pelajar lebih bermotivasi dan ini membantu kejayaan pelajar dengan menggunakan modul-modul pengajaran tersebut.

Menurut Keller juga, kepuasan atas cabaran yang mencukupi akan meningkatkan tahap motivasi dan ketidakpuasan akan berlaku andainya ganjaran tidak mencukupi setelah melakukan pekerjaan yang sukar. Modul-modul pengajaran sendiri yang dihasilkan memberikan cabaran meningkat kepada setiap pelajar melalui latihan-latihannya. Diakhir setiap pelajaran, disediakan ulangkaji yang berbentuk ujian rujukan kriteria yang menguji pelajaran yang telah dipelajari. Ini untuk memberikan cabaran dan meningkatkan tahap motivasi pelajar-pelajar yang menggunakan modul ini. Maklum balas tentang pencapaian dalam ujian ini diberikan sebaik sahaja pelajar tamat menyemak jawapan yang ada. Kejayaan pada tahap 90% ke atas akan diberikan tahap penguasaan dan kebenaran untuk meneruskan usaha ke bahagian berikutnya. Ini akan mendatangkan kepuasan kepada pelajar dan akan meningkatkan tahap motivasi mereka.

Perlu diingat, bahawa menurut model motivasi ARCS Keller, kehadiran salah satu dari 4 konsep iaitu perhatian, perkaitan, keyakinan dan kepuasan akan meningkatkan tahap motivasi pelajar-pelajar yang terlibat tetapi kehadiran keempat-empat konsep utama tersebut akan meningkatkan motivasi ke tahap yang sangat tinggi.

Praujian telah diberikan untuk mengetahui tahap pengetahuan sedia ada para pelajar sementara pascaujian untuk mengetahui pencapaian pelajar selepas penggunaan modul-modul pengajaran sendiri yang telah dihasilkan. Keputusan pascaujian dan praujian menunjukkan bahawa modul-modul yang dihasilkan membantu (sehingga ke tahap tertentu) meningkatkan penguasaan para pelajar dalam item-item *subject-verb agreement* dan *tenses* dalam klinik pemulihan Bahasa Inggeris. Keputusan yang diperolehi adalah sama seperti keputusan yang diperolehi hasil kajian Koh (1980) yang mendapati penggunaan modul pengajaran sendiri berkesan dalam memulihkan kesulitan-kesulitan khusus yang telah dikesan dalam pembelajaran tatakerja Bahasa Inggeris. Keputusan kajian ini juga serupa seperti keputusan yang diperolehi oleh Sirifa Srichit (1985) dalam kajian tentang keberkesanan bahan pengajaran sendiri dalam pengajaran Bahasa Inggeris di mana hasil kajian beliau mendapati bahawa prestasi murid-

murid telah meningkat hasil penggunaan bahan-bahan pengajaran sendiri tersebut.

Kajian juga menunjukkan bahawa para guru yang terlibat dalam proses penghasilan modul ini mempunyai sikap yang positif terhadap penghasilan modul sebelum pendedahan kepada proses tersebut lagi. Seperti dapatan-dapatan dari kajian Gallant (1989), Tobin (1990), Thomey (1991) dan Graham (1992), para guru menganggap diri mereka cekap dan berpengetahuan dalam pengembangan pengajaran tetapi dapatan kajian mendapati bahawa kebanyakan responden tidak mempunyai pengetahuan yang cukup untuk melaksanakan pendekatan pembangunan pengajaran. Seperti kata seorang guru:

"Dapat kot buat modul sendiri kalau cuba, tapi tak tahulah berkesan ke tidak."

Kedua-dua guru berhasrat untuk menghasilkan modul dengan menggunakan pendekatan yang sama. Pendedahan kepada proses penghasilan dan penilaian modul telah memberikan keyakinan kepada para guru untuk menghasilkan modul mereka sendiri. Namun, masih ada keraguan tentang keupayaan mereka menghasilkan modul dengan memberikan faktor kekangan masa sebagai alasan. Ini mungkin terjadi kerana guru melihat proses penghasilan modul ini dari

sudut individu dan tidak dari sudut kerja berkumpulan. Dengan itu faktor masa dirasakan sebagai satu kekangan dalam menghasilkan modul-modul pengajaran sendiri.

Penggunaan modul-modul juga didapati disenangi oleh para pelajar yang merasa rendah diri akibat penguasaan Bahasa Inggeris yang sangat lemah. Mengikut pendapat seorang pelajar:

"Tak sabar nak guna modul ni, sebab ... err, dalam kelas tak boleh nak tanya tentang yang asas-asas ni, sebab orang lain semua dah tahu. Jadi kalau dapat guna modul ni ... eloklah."

Seperti pendapat Syed Abu Bakar (1997) yang mengatakan bahawa para pelajar pemulihan mempunyai ciri kurang yakin diri dan rendah konsep diri. Dengan menggunakan modul pengajaran sendiri, mereka dapat mempelajari topik-topik yang bermasalah tanpa perlu bertanya kepada guru kerana modul pengajaran sendiri itu antara sifatnya menurut Gagné dan Briggs (1974) ialah: menyediakan pelbagai bahan dan sumber untuk setiap matlamat dan dengan itu disesuaikan dengan keupayaan dan latar belakang individu; memberikan masa untuk bersendirian apabila berhadapan dengan masalah.

Implikasi Dapatan Kajian

Hasil dari kajian yang dijalankan, satu dokumen yang mengandungi kronologi proses penghasilan dan penilaian modul pengajaran sendiri bagi klinik pemulihan Bahasa Inggeris SMTKK telah dihasilkan.

Dokumen yang dihasilkan menunjukkan susunan proses yang terlibat dalam menghasil dan menilai modul pengajaran sendiri yang berkaitan. Dokumen ini boleh dijadikan bahan rujuk bagi guru-guru dan individu yang ingin menghasilkan modul pengajaran sendiri mereka sendiri. Ini kerana, dengan adanya dokumen ini, para guru hanya perlu menduplikat proses yang ada untuk menghasil dan menilai modul pengajaran sendiri mereka sendiri.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan modul-modul pengajaran sendiri yang dihasilkan sehingga ke tahap tertentu dapat membantu pelajar yang mengikuti kilinik pemulihan Bahasa Inggeris menguasai item-item *subject-verb agreement* dan *tenses*. Ia juga menunjukkan bahawa penghasilan modul-modul tersebut yang berdasarkan model Dick dan Carey (1985) telah berjaya menimbulkan kelesaan, keyakinan dan keseronokan kepada para pelajar yang menggunakannya. Dengan itu adalah elok sekiranya

kaedah pemulihan ini dikembangkan dengan memberi pendedahan kepada para guru samada di sekolah rendah dan menengah cara-cara menghasilkan modul pengajaran sendiri dengan menggunakan model reka bentuk pengajaran yang tertentu.

Kajian juga mendapati bahawa pelajar merasa lebih seronok menggunakan modul pengajaran sendiri kerana mereka tidak perlu bertanya kepada guru soalan-soalan mudah yang mendatangkan rasa malu kepada mereka. Memandangkan para pelajar yang teribat dengan klinik pemulihan Bahasa Inggeris adalah para pelajar yang sangat lemah, maka modul pengajaran sendiri yang dihasilkan harus komprehensif dan mengambil kira ciri-ciri pelajar. Ini kerana sewaktu menggunakan modul-modul tersebut, para pelajar terpaksa berdikari tanpa kehadiran guru.

Walaupun kebanyakan pelajar mendapati bahawa penggunaan modul-modul pengajaran sendiri sangat menyeronokkan, terdapat juga pelajar yang merasa bosan sewaktu menggunakan modul-modul tersebut. Bagi para pelajar yang sangat lemah, faktor tempoh perhatian yang singkat harus diambil kira. Kemungkinan penggunaan modul-modul dalam waktu berkembar selama 80 minit adalah sangat lama bagi para pelajar yang sangat lemah.

Dari dapatan kajian didapati bahawa faktor masa mempengaruhi keyakinan para pelajar. Semakin lama menggunakan modul, semakin meningkat keyakinan para pelajar. Dengan itu, sewaktu merancang penghasilan modul, faktor masa harus diambil kira. Masa yang mencukupi diperlukan untuk penyesuaian pelajar kepada modul-modul yang akan digunakan.

Cadangan-cadangan Untuk Kajian Susulan

Kajian yang dijalankan adalah untuk menghasil dan menilai modul pengajaran sendiri untuk klinik pemulihan Bahasa Inggeris SMTKK. Untuk meluaskan lagi bidang kajian bagi kebaikan bersama, kajian lanjut adalah perlu untuk mencapai objektif-objektif berkaitan seperti di bawah.

Kajian ini menggunakan sampel kajian dari Sekolah Menengah Teknik Kuala Klawang. Sampel kajian adalah para pelajar tingkatan lima yang dianggap sebagai homogenus hasil dari ujian diagnosis dan peperiksaan semester pertama tingkatan empat. Dengan itu andaian telah dibuat berdasarkan sampel ini bagi semua pelajar klinik pemulihan SMTKK. Adalah dicadangkan agar kajian lanjut dibuat dengan menggunakan sampel yang dipilih secara

strata. Ini dapat membantu mengatasi masalah dengan lebih mendalam bagi para pelajar yang terlibat. Ini dapat dijalankan dengan mengelaskan lagi para pelajar ini kepada kumpulan-kumpulan: lemah, sederhana lemah dan sangat lemah. Ini dapat memberikan gambaran yang lebih tepat tentang keberkesanan dan kelemahan modul terhadap sampel-sampel dan andaian yang dibuat akan lebih tepat.

Dicadangkan juga agar kajian lanjut dijalankan bagi meninjau kesan penggunaan modul pengajaran sendiri klinik pemulihan Bahasa Inggeris keatas keyakinan diri para pelajar yang terlibat. Adalah perlu untuk mengetahui apakah modul-modul pengajaran sendiri dapat menghapuskan perasaan rendah diri para pelajar yang lemah dalam penguasaan Bahasa Inggeris. Kajian boleh memperlihatkan kesan jantung ke atas keyakinan menggunakan modul pengajaran sendiri. Dengan itu kita dapat mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan modul pengajaran sendiri dan kesan modul pengajaran sendiri ke atas keyakinan para penggunanya.

Memandangkan penggunaan modul pengajaran sendiri merupakan satu alternatif yang berkesan dalam menangani masalah pemulihan Bahasa Inggeris para pelajar di sekolah-sekolah yang menghadapi masalah kekurangan guru,

satu kajian perlu dilakukan untuk mengetahui tentang wujudnya modul-modul pengajaran sendiri dalam mengatasi masalah pemulihan item-item tatabahasa Bahasa Inggeris di kalangan para pelajar tingkatan lima. Ini dapat memberikan gambaran tentang penggunaan modul pengajaran sendiri dalam mengatasi masalah pemulihan Bahasa Inggeris bagi tujuan pemulihan. Dicadangkan tumpuan diberikan ke atas sekolah-sekolah di luar bandar kerana sekolah-sekolah di luar bandar bukan sahaja mengalami masalah kekurangan guru Bahasa Inggeris malahan mereka juga menghadapi masalah penguasaan Bahasa Inggeris yang sangat lemah di kalangan para pelajar.

Untuk menghasilkan modul pengajaran sendiri yang berkesan, guru perlu mengetahui prinsip-prinsip penghasilannya. Modul yang dihasilkan dengan mengikut mana-mana model reka bentuk pengajaran akan membantu para guru menghasilkan modul yang benar-benar dapat membantu para pelajar dalam menguasai item-item tatabahasa Bahasa Inggeris. Oleh itu satu kajian perlu dijalankan tentang tahap pengetahuan para guru di Malaysia dalam menghasilkan modul pengajaran sendiri berdasarkan model-model reka bentuk pengajaran. Kajian akan memberikan gambaran tentang tahap pengetahuan para guru dalam penghasilan modul pengajaran sendiri dan mungkin langkah

selanjutnya adalah memberikan pendedahan kepada para guru tentang proses penghasilan modul pengajaran sendiri.

Sewaktu kajian juga didapati terdapat beberapa orang pelajar yang berbincang sewaktu menggunakan modul-modul yang diberikan. Ini menunjukkan bahawa dalam melaksanakan klinik pemulihan dengan menggunakan modul pengajaran sendiri, pelajar harus ditanamkan dengan sikap jujur dalam menggunakan modul.

Kesimpulan

Dari kajian ini, dua buah modul pengajaran sendiri bagi klinik pemulihan Bahasa Inggeris Sekolah Menengah Teknik Kuala Klawang telah dihasilkan dan dinilai secara formatif berdasarkan model reka bentuk pengajaran Dick dan Carey (1985).

Kajian mendapati bahawa modul-modul yang dihasilkan adalah sangat sesuai digunakan untuk klinik pemulihan Bahasa Inggeris Sekolah Menengah Teknik Kuala Klawang. Terdapat peningkatan pencapaian dalam topik-topik *subject-verb agreement* dan *tenses* selepas penggunaan modul-modul yang dihasilkan. Kajian juga menunjukkan bahawa para pelajar selesa, yakin dan seronok menggunakan

modul-modul yang dihasilkan. Selain dari itu, guru-guru yang terlibat dengan proses penghasilan dan penilaian modul-modul tersebut berhasrat untuk menghasilkan modul pengajaran sendiri mereka sendiri menggunakan pendekatan yang sama.

Sebagai kesimpulan, memandangkan penghasilan modul pengajaran sendiri berdasarkan model reka bentuk pengajaran ini berjaya menghasilkan modul-modul yang berjaya menarik perhatian guru dan pelajar serta membantu meningkatkan pencapaian pelajar dalam klinik pemulihan, adalah disarankan agar lebih banyak modul-modul pengajaran sendiri dihasilkan bagi mengatasi masalah penguasaan Bahasa Inggeris bagi para pelajar sekolah terutamanya bagi para pelajar yang bakal menduduki peperiksaan.

RUJUKAN

- Belajar Bahasa Inggeris menerusi SMART-Net. (23 Jun, 1998). Utusan Malaysia, ms. 29.
- Black, E. (1995, June 13). Behaviorism as a learning theory. Behaviorism and instructional technology. Retrieved May 11, 1999 from the World Wide Web: <http://www.129.7.160.115/inst5931/Behaviorism.html>
- Bloom, B.S., Hastings, J.T., & Madaus, G.F. (1971). Handbook on formative and Summative evaluation of student learning. (ms. 48-50). USA: Mc.Graw Hill, Inc
- Braxton, S. (1995). Models for instructional design. Instructional design methodologies and techniques. Retrieved Sept. 21, 1998 from the World Wide Web: http://www.seas.gwu.edu/student/sbraxton/ISD/design_models.html
- Braxton, S. (1998). General instructional design phases. Instructional design methodologies and techniques. Retrieved Sept. 21, 1998 from the World Wide Web: http://www.seas.gwu.edu/student/sbraxton/ISD/general_phases.html

- Bright, J.A., & MacGregor, G.P. (1976). Teaching English as a second language. London : Longman group ltd.
- Campbell, K. (1998). Instructional design: An overview. Retrieved Sept. 20, 1998 from the World Wide Web: <http://www.atl.ualberta.ca/papers/lee/Idoverview.html>
- Cohen, L. (1928). Research methods in education Edisi ke-2). New Hampshire: Croom Helm.
- Compendium : A handbook for ELT teachers (Vol.2) 1991). KL: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Das, R.C. (1993). Educational technology: a basic text. India: Sterling Publishers Private Limited.
- Ee Ah Meng (1991a). Pedagogi satu pendekatan bersepadu Edisi ke-2). Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Ee Ah Meng (1991b). Pendidikan di Malaysia untuk guru pelatih (Edisi ke-2) ms.2-91. Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti Sdn.Bhd.

- Fry, J.C. (1997). Motivational theories and view.
Retrieved May 11, 1999 from the World Wide Web:
[http://www.uwg.edu/~coehelp/club_id/lesson/
motivation/page2.htm#arcs](http://www.uwg.edu/~coehelp/club_id/lesson/motivation/page2.htm#arcs)
- Gagne, R.M., & Briggs, L.J. (1974). Principles of instructional design. USA: Holt, Rinehart and Winston, Inc.
- George, F.H. (1970). Educational technology: The systems approach and cybernetics. In A.J. Romiszowski (Ed.), A systems approach to education and training (ms.22-27). London: Kogan Page.
- Glosari teknologi pendidikan: bahasa Inggeris-huraian-bahasa Melayu, Bahasa Melayu-Bahasa Inggeris.
Selangor: DBP
- Gropper, G.L. (1993). A behavioral approach to instructional prescription. In Reigeluth, C.M. (Ed.), Instructional-design theories and models: an overview of their current status. London: Lawrence Erlbaum Associates, Publishers.

- Gropper, G.L. (1975). Diagnosis and revision in the development of instructional materials. New Jersey: Educational technology Publications, Inc.
- Gurnam Kaur (1995). An evaluation of the class reader programme-a case study. Disertasi sarjana tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Harrison, S.M. (1973). English as a second and foreign language. London: Edward Arnold (Publishers) Ltd.
- Hitchcock, G., & Hughes, D. (1989). Research and teacher: qualitative introduction to school-based research. Great Britain: MacKays of Chatham PLC.
- Hubbuck, S.M. (1989). Writing research papers across the curriculum (Edisi ke-2). USA: Holt, Rinehart and Winston, Inc.
- Kearsley, G. (1999). Operant conditioning. Retrieved May 21, 1999 from the World Wide Web: <http://www.gwu.edu/~tip/skinner.html>

- Kennedy, M.F. (1994). Instructional design or personal heuristics in classroom instructional planning. Educational technology, 34 (3).
- Knapper, C.K. (1980). Evaluating instructional technology. (ms.18). New York: John Wiley Sons, Inc.
- Koh Boh Boon (1980). Self-instructional materials for remedying specific problems in the learning of English as a second language. Thesis Ph.D tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Koh Boh Boon (1981). Pengajaran pemulihan dalam Bahasa Malaysia. KL : Utusan Publications Sdn. Bhd.
- Komputer di sekolah: peruntukan tidak mencukupi. (6 Julai, 1998). Utusan Malaysia, ms.27.
- Lange, R.R., & Grovdahl, E.C. (1989). Does anyone really use instructional design? Educational technology, 29 (10), ms. 32-36.
- Mager, R.F. (1979). Preparing instructional objectives (Edisi ke-2.). California: Fearon publishers, Inc.
- Mat Noor Hussin & Jais Sahok (1990). Pendidikan pemulihan. Petaling Jaya: Masa Enterprise.

Mohamad B. Draman (1996). Keberkesanan penggunaan rakaman video ke atas prosidur temu bual sebagai aktiviti tunjuk cara dalam pengajaran pemulihan matematik tingkatan satu. Dalam Prosiding Konvensyen Teknologi Pendidikan IX. (ms.173-186). Johor bahru: Persatuan Teknologi Pendidikan Malaysia/Fakulti Pendidikan UTM/Jabatan Pendidikan Negeri Johor.

Mohamad Haslan B. Samsudin dan Shaharom Noordin (1996). Penilaian formatif untuk mata pelajaran kemahiran hidup bersepadu di sekolah menengah. Dalam Prosiding Konvensyen Teknologi Pendidikan IX. (ms.40-45). Johor bahru: Persatuan Teknologi Pendidikan Malaysia/Fakulti Pendidikan UTM/Jabatan Pendidikan Negeri Johor.

Mohamad Hilmi Said Dan Shaharom Noordin (1996). Penghasilan dan penilaian formatif modul pengajaran sendiri "Prinsip radio" pada peringkat tingkatan empat sekolah menengah vokasional. Dalam Prosiding Konvensyen Teknologi Pendidikan IX. (ms.33-36). Johor bahru: Persatuan Teknologi Pendidikan Malaysia/Fakulti Pendidikan UTM/Jabatan Pendidikan Negeri Johor.

- Mortovella, P.H. (1972). Concept learning: designs for instruction. USA: Intext Educational Publishers.
- Pask, G. (1970). Practical applications of cybernetics to the design of training systems. In A.J. Romiszowski (Ed.), A systems approach to education and training. (ms. 47-48). London: Kogan Page.
- Philips, M. (1988). Modular INSET. In D. Warwick Ed.), Teaching and learning through modules(ms.230). Oxford: Basil Blackwell Ltd.
- Plans for individuals instructions. Retrieved Sept. 21, 1998 from the World Wide Web: http://www.coe.uh.edu/courses/Cuin7345/id_history/individualized_instruction.html
- Programmed Instruction(1998). Encarta concise encyclopaedia. Retrived Sept. 21,1998 from the World WideWeb: [http:// www.Encarta.msn.com/index/conciseindex/50/050f6000.htm](http://www.Encarta.msn.com/index/conciseindex/50/050f6000.htm)
- Reigeluth, C.M. & Nelson, M.N.(1995). A new paradigm of ISD? In. D.P. Ely & B.B. Minor (Eds.) Educational media and technology yearbook. (ms. 25-34). Colorado: Libraries Unlimited.

- Rivers, W.M. (1968). Teaching foreign-language skills. USA : The University of Chicago.
- Rivers, W.M., & Temperley, M.S.(1978). A practical guide to the teaching of English as a second or foreign language. New York: Oxford University Press.
- Romiszowski, A.J.(1970).Systems approach to education and training:An introduction in A.J. Romiszowski (Ed.), A systems approach to education and training.(ms.11-12). London: Kogan Page.
- Rowntree, D.(1985). Educational technology in curriculum development (Edisi ke-2.). London: Harper and Row.
- Seels and Glasgow ISD Model II For Practitioners, 1997. Retrieved Sept.21,1998 from the World Wide Web <http://www.coe.uh.edu/course/cuin7345/constructivism/seels.html>
- Shaw, G. (1996). Design and preparation of individualised instruction systems and materials. Retrieved Jun 25, 1998 from the World Wide Web:<http://www.ntu.edu.au/education/atet/EVAx17/topic4.html>

Sirifa Srichit (1985). The development of a self-instructional unit of the indefinite article at its effectiveness in English language teaching in Srinakharinwirot Prasarnmitr Demonstration school, Bangkok, Thailand. Tesis sarjana pendidikan tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Strauss, A.L. (1990). Basics of qualitative research: grounded theory procedures and techniques. California: Sage Publications Ltd.

Wiburg, K.M. (1999). An historical perspective on instructional design: is it time to exchange Skinner's teaching machine for Dewey's toolbox? Retrieved May 11, 1999 from the World Wide Web: <http://www.csc195.indiana.edu/csc195/wiburg.html>

Yuswandi B. Majid (1999, April 2). Bahasa Inggeris Pelajar luar bandar dipertingkatkan. Utusan Malaysia, ms.1.